

BAB EMPAT

HASIL DAPATAN

4.0 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan dapatan kajian berdasarkan analisa yang dibuat terhadap data yang dikumpulkan. Terlebih dahulu pengenalan ringkas mengenai latar belakang responden, jantina responden, pencapaian dalam bahasa Jepun, motivasi dan strategi pembelajaran yang diperkatakan di dalam kajian ini akan dihuraikan. Ini akan memberi sedikit gambaran tentang variabel-variabel yang dikaji dalam penyelidikan ini. Setelah itu bab ini akan memaparkan dapatan kajian hasil dari analisis yang telah dibuat. Analisis data dibuat bagi menjawab persoalan kajian iaitu:

1. Apakah strategi-strategi pembelajaran bahasa yang digunakan dan kekerapannya?
2. Terdapatkah hubungkait antara strategi pembelajaran bahasa dengan tahap pencapaian pelajar, dan jika ada apakah kaitannya?
3. Bagaimanakah strategi pembelajaran bahasa berkait dengan motivasi pelajar?

Data kajian akan dianalisis dengan menggunakan pendekatan kuantitatif, iaitu menggunakan “*Statistical Package for Social Sciences (SPSS)*” versi 14.0 bagi memproses data mentah.

Pemilihan 2 jenis motivasi pembelajaran, motivasi intergratif dan instrumental yang digunakan dalam soal selidik ini adalah berdasarkan pembahagian yang telah dibuat oleh Lambert dan Gardner(1972), manakala enam pembahagian strategi pembelajaran ialah mengikut pembahagian yang telah dibuat oleh Oxford dalam ”*Taxonomy of Learning Strategies*”, (1990). Pembahagian strategi tersebut ialah: A. Strategi memori, B. Strategi kognitif, C. Strategi gantian (*compensation*), D. Strategi metakognitif, E. Strategi efektif dan F. Strategi sosial.

Strategi memori ialah teknik atau cara di mana boleh menolong pelajar menyimpan dan menggunakan semula input yang dipelajari. Ini termasuklah seperti mencipta perhubungan mental (*mind mapping*), menggunakan imej dan bunyi, mengulangkaji dengan cara yang terancang dan lain-lain lagi.

Strategi kognitif pula ialah strategi yang melibatkan analisis secara langsung, transformasi bahasa sasaran, latihan secara formal tentang bunyi dan struktur ayat dan sebagainya. Beberapa item strategi kognitif seperti menganalisa, mengingat kata dasar adalah sangat penting bagi mengingat semula pengetahuan yang baru diperolehi.

Manakala strategi gantian pula ialah strategi yang dapat menolong pelajar mengisi ruang kosong yang menghalang kelancaran pelajar berbahasa. Aktiviti-aktivitinya ialah seperti meneka perkataan atau makna, menggunakan “bahasa badan”, menukar kepada bahasa ibunda, dan menggunakan sinonimi perkataan bagi memahami makna dalam perbualan atau penulisan.

Strategi metakognitif pula ialah strategi yang dapat menolong pelajar merangsang kognitif mereka di samping memberi fokus, merancang pembelajaran dan menilai pencapaian mereka. Strategi afektif ialah strategi yang menolong pelajar dalam membina keyakinan diri, mengawal emosi dan memupuk minat pelajar secara aktif dalam aktiviti pembelajaran bahasa di mana ianya merupakan salah satu keperluan kemahiran dalam komunikasi berbahasa.

Strategi sosial pula menunjukkan penyertaan yang aktif dalam interaksi dan kebolehan berkongsi perasaan, di mana dua kualiti ini juga merupakan keperluan bagi kemahiran dalam komunikasi.

Butiran mengenai strategi pembelajaran tersebut diringkaskan dalam jadual berikut:

Jadual 4.1: Strategi Pembelajaran

Bil.	Strategi Pembelajaran	Aktiviti
1.	Memori	mencipta perhubungan mental (<i>mind mapping</i>), mengumpul, mengkategorikan, menggunakan imej/bunyi sebagai mewakili perkataan. Teknik mekanikal seperti respon fizikal.
2.	Kognitif	latihan dan mengulang-ngulang perkataan baru, menterjemah, membuat analisa, mengambil nota, membuat ringkasan.
3.	Gantian	meneka perkataan atau makna, menggunakan “bahasa badan”, menukar kepada bahasa ibunda, menggunakan sinonimi perkataan. mencipta perkataan (<i>coining words</i>) dalam komunikasi.
4.	Metakognitif	memberi fokus, merancang pembelajaran, menetapkan tujuan dan objektif, menilai pencapaian.
5.	Afektif	menggunakan muzik dan unsur-unsur humor sebagai proses pembelajaran, membina keyakinan diri, mengawal emosi, memberi imbuhan kepada diri, membincangkan perasaan dan memupuk minat belajar secara aktif
6.	Sosial	membuat pembedaan, berkerjasama dengan rakan, membina kefahaman budaya

Tujuan utama setiap item dalam soal selidik di bahagian strategi pembelajaran ialah untuk melihat kekerapan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar. Seterusnya untuk melihat strategi jenis apakah yang kerap digunakan oleh pelajar dan hubungkaitnya dengan pencapaian dan motivasi pelajar.

4.1 Latar Belakang Responden

Seramai 265 pelajar dari 12 fakulti di Universiti Teknologi Mara telah menjawab soal selidik untuk kajian ini. Fakulti-fakulti tersebut ialah seperti di dalam jadual berikut:

Jadual 4.2: Taburan pelajar menjawab soal selidik mengikut fakulti

Bil.	Nama Fakulti	Frek	%
1	Fakulti Teknologi Media dan Sains Kuantitatif (FTMSK)	76	29
2	Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)	34	13
3	Fakulti Undang-undang (FUU)	32	12
4	Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA)	28	10.5
5	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	28	10.5
6	Fakulti Pendidikan (FP)	27	10
7	Fakulti Farmasi (FF)	25	9.4
8	Fakulti Perakaunan (FPN)	8	3
9	Fakulti Sukan dan Rekreasi (FSR) dan	3	1
10	Fakulti Senibina Perancang dan Ukur (FSPU)	2	0.8
11	Fakulti Pembangunan, Perancangan dan Survey (FPDP)	1	0.4
12	Fakulti Sains Gunaan (FSG)	1	0.4
	JUMLAH	265	100


Berdasarkan jadual 4.1.2, fakulti yang tertinggi menjawab soal-selidik ini ialah dari Fakulti Teknologi Media dan Sains Kuantitatif (FTMSK) iaitu sebanyak 29%, diikuti oleh Kejuruteraan Elektrikal sebanyak 13%, Fakulti kejuruteraan undang-undang 12%. Seterusnya Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA) dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) yang masing-masing sebanyak 10.5% . Ini diikuti oleh beberapa fakulti lain dan paling sedikit menjawab ialah Fakulti Pembangunan, Perancangan dan Survey (FPDP) iaitu sebanyak 0.4%.

Pelajar-pelajar tersebut mengikuti pelbagai jurusan seperti jurusan Kemanusiaan, Pengurusan Perniagaan, Sains Sosial, Kejuruteraan, Sains dan Teknologi, Sains Perubatan dan Kejuruteraan bagi tahun pengajian 2007/2008. Purata umur mereka ialah di sekitar 21 tahun. Mereka semuanya telah mengikuti dua kursus Bahasa Jepun sebagai elektif wajib, iaitu bahasa Jepun 1 (BJP 401) sebagai Bahasa Jepun permulaan dan Bahasa Jepun II (BJP 451) iaitu Bahasa Jepun Pertengahan. Untuk memenuhi syarat lulus kursus, pelajar-pelajar ini perlu juga lulus Bahasa Jepun III (BJP 501) iaitu bahasa Jepun lanjutan.

4.1.1 Jantina Responden

Responden yang menjawab soal selidik tersebut adalah terdiri dari pelajar lelaki dan perempuan yang dipilih secara rawak dari dua kursus tersebut di atas. Carta berikut menunjukkan pecahan responden mengikut jantina.

Carta 4.1: Jantina Responden



Dari jumlah 265 responden yang digunakan untuk soal selidik tersebut, 107 (40.4%) adalah pelajar lelaki sementara 154 (58.1%) adalah pelajar perempuan. Empat responden tidak diketahui jantina mereka kerana tidak menjawab soalan yang meminta mereka menandakan jantina mereka.

4.1.2 Pencapaian Responden dalam Kursus Bahasa Jepun

Pembelajaran Bahasa Jepun dikendalikan dengan menggunakan kaedah syarahan, latihan tubi, audiolingual, komunikasi, oral, situasi dan berbagai-bagai lagi bagi melengkapi kemahiran menulis, mendengar dan berkomunikasi.

Dalam satu semester pengajian, pelajar dinilai dua kali iaitu ujian pertengahan semester dan peperiksaan akhir semester. Di kedua-dua peperiksaan ini bagi ujian pertengahan pelajar dinilai kemahiran pendengaran (10%), kemahiran tulisan (10%) dan lisan (20%). Di akhir semester pelajar dinilai perkara yang sama iaitu kemahiran pendengaran (10%), kemahiran tulisan (30%) dan lisan (20%).

Pelajar telah diberi gred pencapaian mengikut skala seperti berikut:

Jadual 4.3: Gred Pencapaian Pelajar

SELANG MARKAH	GRED	NILAI GRED	STATUS
90-100	A+	4.00	Cemerlang
80-69	A	4.00	
75-79	A-	3.67	
70-74	B+	3.33	Kepujian
65-69	B	3.00	
60-64	B-	2.67	
55-59	C+	2.33	Lulus
50-54	C	2.00	
47-49	C-	1.67	Gagal
44-46	D+	1.33	
40-43	D	1.00	
30-39	E	0.67	Gagal
0-29	F	0.00	


Berpandukan pada Jadual 4.2 di atas, pelajar yang memperoleh markah dari 75 hingga 100 akan memperoleh gred A dengan pencapaian cemerlang. Manakala pelajar yang memperoleh markah dari 60 hingga 74 pula akan memperoleh gred B dengan kepujian. Pelajar yang mendapat 50 hingga 59 mendapat gred C dengan sekadar lulus sahaja. Bagi pelajar yang memperoleh markah dari 0 hingga 49 pula dan memperoleh gred C-, D+, D, dan F adalah dianggap gagal.

Seterusnya pencapaian pelajar dalam kursus bahasa Jepun BJP 401 dan BJP 451 akan dipaparkan. Beberapa responden tidak menyatakan keputusan yang diperolehi bagi subjek yang diminta, oleh itu jumlah data tidak mencukupi sehingga 265 disebabkan data hilang.

4.1.2.1 Pencapaian Responden BJP 401

Pencapaian responden bagi kod BJP 401 dipaparkan melalui carta berikut:

Carta 4.2: Pencapaian Responden Dalam Kursus BJP 401




Gred pelajar bagi kursus BJP 401 adalah seperti yang tertera di dalam Carta 4.2. Didapati paling ramai pelajar mendapat nilai gred antara 3.67 hingga 4.00 iaitu seramai 136 orang pelajar (51.4%) yang dikategorikan sebagai cemerlang, diikuti oleh 104 orang pelajar (39%) yang mendapat nilai gred antara 2.67 hingga 3.66 (kepujian). Seterusnya 16 orang pelajar (6%) yang mendapat nilai gred antara 2.00 hingga 2.66 (lulus).

4.1.2.2 Pencapaian Responden BJP 451

Pencapaian responden bagi kod BJP 451 pula adalah seperti carta berikut:

Carta 4.3: Pencapaian Responden Dalam Kursus BJP 451



Gred pelajar bagi kursus BJP 451 pula adalah seperti yang tertera di dalam Carta 4.3 diatas. Didapati paling ramai pelajar mendapat nilai gred antara 3.67 hingga 4.00 iaitu seramai 146 orang pelajar (55.1%), diikuti oleh 100 (37.7%) orang pelajar yang mendapat nilai gred antara 2.67 hingga 3.33 (kepujian). Manakala 11 orang pelajar (4%) mendapat nilai gred antara 2.00 hingga 2.33 (lulus).

Ini menggambarkan pencapaian pelajar yang baik dalam kursus pengenalan dan juga pertengahan bahasa Jepun di mana ramai pelajar memperolehi gred cemerlang serta kepujian.

4.2 Mengenalpasti Strategi Pembelajaran yang digunakan.

Persoalan seterusnya yang ingin dijawab melalui kajian ini adalah mengenai strategi pembelajaran yang digunakan oleh para pelajar apabila mempelajari Bahasa Jepun. Enam strategi pembelajaran telah dikenalpasti iaitu strategi memori, kognitif, gantian(*compensation*), metakognitif, afektif, emosi, dan sosial. Responden telah diminta memberikan pemeringkatan dari 1 (tidak pernah) hingga 5 (selalu) terhadap setiap strategi yang disenaraikan.

Pemeringkatan bagi set soalan-soalan dalam setiap strategi yang dibuat oleh responden telah dicampurkan dan dibahagikan dengan jumlah soalan untuk mendapatkan skor purata (min) bagi strategi tersebut. Contohnya bagi strategi memori, pemeringkatan responden bagi 9 soalan dicampurkan dan dibahagi 9.

Hasil-hasil min telah diinterpretasikan mengikut SILL versi 5.1 yang telah dibuat oleh Oxford (1989) seperti pada jadual 4.3.

Jadual 4.4: Interpretasi SILL

Tinggi	Selalu	4.5 – 5.0
	Kerap kali	3.5 – 4.4
Sederhana	Kadang-kadang	2.5 - 3.4
Rendah	Jarang-jarang	1.5 - 2.4
	Tidak pernah	1.0 – 1.4

Berdasarkan pada jadual diatas, min yang dikategorikan sebagai tinggi ialah di antara 4.5 hingga 5.0 (selalu) dan di antara 3.5 hingga 4.4 (kerap kali). Manakala kategori

sederhana pula ialah min di antara 2.5 hingga 3.4 (kadang-kadang) dan kategori rendah ialah min di antara 1.5 hingga 2.4 (jarang-jarang) dan 1.0 hingga 1.4 (tidak pernah).

4.2.1 Analisa Strategi Pembelajaran Memori

Sebanyak 9 item kaedah memori disenaraikan bagi pelajar menyatakan kekerapan mereka menggunakan setiap kaedah belajar. Setiap senarai item menggambarkan pelbagai teknik belajar. Bagi setiap item, pemeringkatan telah dibuat oleh 265 responden dengan menggunakan skala Likert 1 hingga 5. Pemeringkatan bagi setiap responden yang menjawab sesuatu item dijumlahkan, dan kemudian dibahagikan dengan jumlah responden (N) yang menjawab item tersebut. Ada beberapa item yang tidak dijawab atau telah ditinggalkan oleh beberapa responden, oleh itu nilai N kadang kala tidak mencapai jumlah sebenar 265.

Jadual 4.5: Min Kumpulan untuk Strategi Pembelajaran Memori

	N	Mean	Std. Deviation
1. Kaitkan bunyi dengan imej/gambaran objek	264	3.65	.987
2. Buat gambaran mental tentang situasi	265	3.65	.955
3. Gunakan perkataan baru dalam ayat	265	3.54	.969
4. Ulangkaji pelajaran Bahasa Jepun	263	3.44	.918
5. Mengaitkan sesuatu yang baru dipelajari dengan budaya kehidupan	265	3.43	.903
6. Guna rima	265	3.36	1.068
7. Ingat tempat di mukasurat buku, papan putih, papan kenyataan	265	3.06	1.173
8. Lakon secara fizikal	262	2.98	1.230
9. Guna kad imbasan	262	2.50	1.187

Jadual 4.5 diatas memberikan analisis mengenai strategi pembelajaran memori yang digunakan oleh pelajar. Di dapati pelajar kerap kali mengaitkan bunyi dengan imej/gambaran objek (min=3.65), membuat gambaran mental tentang sesuatu situasi (min = 3.65), serta menggunakan perkataan baru dalam ayat (min = 3.54).

Teknik lain yang kadang-kadang digunakan pelajar dalam kategori strategi memori adalah mengulangkaji pelajaran (min=3.44), mengaitkan sesuatu dipelajari dengan budaya kehidupan(min=3.43), menggunakan rima (min=3.36), ingat tempat di mukasurat baru (min=3.06), lakon secara fizikal (min=2.98), dan menggunakan kad imbasan (min=2.50).

4.2.1.1 Kesimpulan Strategi Pembelajaran Memori.

Sebagai kesimpulan, para pelajar tidak selalu menggunakan mana-mana teknik kaedah memori secara intensif. Kebanyakannya menggunakan tiga kaedah yang teratas tadi iaitu mengaitkan bunyi dengan imej/gambaran objek, membuat gambaran mental tentang sesuatu situasi, serta menggunakan perkataan baru dalam ayat. Manakala strategi pembelajaran yang menggunakan kad imbasan adalah satu strategi yang paling tidak popular.

4.2.2 Analisa Strategi pembelajaran kognitif

Sebanyak empat belas item kaedah kognitif disenaraikan bagi pelajar menyatakan kekerapan mereka menggunakan setiap kaedah belajar. Berikut dipaparkan hasil min bagi strategi pembelajaran kognitif.

Jadual 4.6: Min kumpulan bagi Strategi pembelajaran Kognitif

	N	Mean	Std. Deviation
1. Selalu menonton drama Jepun	264	4.03	.945
2. Latih bunyi bahasa Jepun	262	3.70	.944
3. Saya sebut dan tulis perkataan baru beberapa kali	265	3.67	1.005
4. Bertutur macam orang Jepun	265	3.58	.946
5. Guna perkataan yang tahu dalam berbagai situasi	265	3.57	.967
6. Cari makna dengan membahagikan kepada beberapa bahagian yang difahami	265	3.23	1.132
7. Mulakan perbualan dengan rakan satu kursus	264	3.15	1.103
8. Baca untuk bersantai	265	3.09	1.146
9. Buat ringkasan pada setiap informasi yang didengar atau dibaca	265	3.06	1.128
10. Tidak terjemah perkataan demi perkataan	265	3.05	1.149
11. Cari struktur/corak ayat dari buku teks atau sumber lain	264	2.88	1.194
12. Samakan perkataan Jepun dengan perkataan Melayu	265	2.87	1.233
13. Baca dengan cepat kemudian baca sekali lagi dengan berhati-hati	265	2.65	1.280
14. Tulis nota, mesej atau laporan dalam Jepun	265	2.48	1.200

Berdasarkan pada jadual 4.6, didapati pelajar kerap kali menonton drama Jepun bagi memperbaiki kemahiran mereka (min=4.03). Ini diikuti dengan melatih bunyi bahasa Jepun (min=3.70), menyebut dan menulis perkataan baru beberapa kali (min=3.67), cuba bertutur macam orang Jepun (min=3.58), dan menggunakan perkataan yang diketahui dalam berbagai situasi (min=3.57).

Kaedah yang kadang-kadang digunakan pelajar adalah mencari makna (min=3.23), memulakan perbualan dengan rakan (min=3.15), membaca untuk bersantai (min=3.09), membuat ringkasan (min=3.06), tidak menterjemahkan perkataan demi perkataan (min=3.05), mencari struktur ayat dari buku teks (min=2.88), menyamakan perkataan Jepun dengan perkataan melayu (min=2.87), serta membaca dengan cepat dan mengulang (min=2.65). Satu kaedah yang jarang-jarang digunakan ialah menulis nota atau laporan dalam bahasa Jepun (min=2.48).

4.2.2.1 Kesimpulan Strategi Pembelajaran Kognitif

Sebagai kesimpulan, para pelajar juga tidak selalu menggunakan mana-mana teknik kaedah kognitif secara intensif. Min bagi kebanyakan item (item 6 hingga 14) ialah di antara 3.23 hingga 2.48. Mengikut interpretasi SILL yang telah dibuat oleh Oxford (1989), min sebegini jatuh pada kategori 'sederhana'. Cuma 5 item sahaja yang dikataegorkan sebagai 'tinggi' itu pun di tahap 'kerap kali' dan tidak pada tahap 'selalu'. Pelajar dilihat lebih bersantai dalam strategi pembelajaran kognitif di mana pelajar memilih untuk kerap kali menonton drama Jepun (min=4.03) dalam strategi ini. Oleh itu didapati bahawa pelajar UiTM lebih gemar menggunakan media elektronik seperti television, CD dan yang seumpamanya sebagai salah satu strategi pembelajaran yang digemari. Pelajar mungkin menggunakan strategi ini di luar bilik darjah. Ini mungkin juga disebabkan sifat semulajadi remaja yang gemarkan hiburan dan peranan media elektronik itu sendiri. Oleh itu media elektronik bukan sahaja berperanan sebagai penghibur malah juga memberi pengetahuan.

Walaupun pelajar masih mengikuti pembelajaran di kelas-kelas secara formal amat mengejutkan juga apabila didapati pelajar-pelajar jarang-jarang menulis nota atau laporan dalam bahasa Jepun .

4.2.3 Analisa Strategi pembelajaran gantian

Sebanyak enam item kaedah strategi pembelajaran gantian disenaraikan bagi pelajar menyatakan kekerapan mereka menggunakan setiap kaedah belajar. Berikut dipaparkan hasil min bagi strategi pembelajaran gantian.

Jadual 4.7 : Min kumpulan bagi Strategi pembelajaran gantian

	N	Mean	Std. Deviation
1. Meneka maksud perkataan yang tidak tahu	265	3.68	.961
2. Guna istilah/frasa yang lebih kurang sama maksud	262	3.18	1.116
3. Gunakan bahasa isyarat	265	3.17	1.073
4. Cuba teka apa yang orang lain akan cakap seterusnya	264	3.03	1.203
5. Buat perkataan baru sesuka hati	264	2.77	1.351
6. Baca tanpa henti walaupun tidak tahu	265	2.45	1.237

Berdasarkan pada jadual 4.7, enam kaedah menggunakan teknik gantian disenaraikan bagi pelajar menyatakan kekerapan mereka menggunakan setiap satu cara. Didapati pelajar kerap kali meneka maksud perkataan yang mereka tidak tahu (min=3.68). Manakala pelajar hanya kadang-kadang menggunakan teknik mengguna istilah yang lebih kurang sama maksud (min=3.18). Pelajar juga kadang-kadang menggunakan bahasa isyarat (min=3.17), meneka apa yang orang lain akan cakap (min=3.03), dan membuat perkataan baru sesuka hati (min=2.77). Seterusnya didapati pelajar jarang-jarang menggunakan kaedah membaca tanpa henti walaupun tidak faham (min=2.45).

4.2.3.1 Kesimpulan Strategi Pembelajaran Gantian

Kesimpulannya, didapati pelajar tidak memilih atau menggunakan mana-mana kaedah secara intensif. Walaupun min bagi pelajar yang memilih item mereka-reka maksud

perkataan yang mereka tahu (min=3.68) adalah yang tertinggi, namun ianya tidak ketara jika dibandingkan dengan item-item yang lain. Kaedah membaca tanpa henti walaupun tidak faham maksudnya adalah satu kaedah yang paling tidak popular dibandingkan dengan kaedah yang lain. Mungkin pelajar merasakan bahawa ini adalah satu kaedah yang tidak memberi faedah walaupun dalam masa yang sama kaedah ini boleh menjadi satu latihan dalam kemahiran membaca.

4.2.4 Analisa Strategi pembelajaran Metakognitif

Sembilan item kaedah dikaitkan dengan strategi metakognitif. Berikut dipaparkan hasil min bagi kaedah ini.

Jadual 4.8: Min kumpulan strategi pembelajaran Metakognitif

	N	Mean	Std. Deviation
1. Cuba mencari cara untuk menjadi pelajar yang baik	264	3.89	.922
2. Beri perhatian apabila seseorang bertutur dalam Bahasa Jepun	265	3.86	.830
3. Guna kesilapan dalam bahasa Jepun utk terus maju	265	3.69	.914
4. Selalu memikirkan kemajuan dalam pembelajaran Bahasa Jepun	265	3.65	1.019
5. Cuba mencari berbagai cara	264	3.40	1.012
6. Rangka jadual untuk mengulangkaji pelajaran bahasa Jepun	265	3.35	1.094
7. Mempunyai cara yang jelas untuk memperbaiki bahasa Jepun saya	265	3.27	1.022
8. Mencari sesiapa sahaja yang boleh bertutur Bahasa Jepun dengan saya	265	3.22	1.217
9. Mencari peluang membaca sebanyak yang mungkin dalam Bahasa Jepun	264	3.03	1.186

Berdasarkan pada jadual 4.8, didapati pelajar kerap kali menggunakan cara bagaimana menjadi pelajar yang baik (min=3.89), memberi perhatian apabila seseorang bertutur dalam Bahasa Jepun (min=3.86), menggunakan kesilapan dalam bahasa Jepun untuk terus maju (min=3.69), serta selalu memikirkan kemajuan diri dalam pembelajaran Bahasa Jepun (min=3.65).

Kadang-kadang pelajar cuba mencari berbagai cara (min=3.40), merangka jadual mengulangkaji (min=3.35), mencari jalan memperbaiki bahasa (min=3.27) Jepun, mencari sesiapa yang mahir bertutur bahasa Jepun (min=3.22), dan mencari peluang membaca sebanyak mungkin dalam Bahasa Jepun (min=3.03).

4.2.4.1 Kesimpulan Strategi Pembelajaran Metakognitif.

Kesimpulannya didapati walaupun pemilihan pelajar pada satu-satu item strategi tidak ketara, namun ianya di tahap kerapkali yang agak tinggi pada item 'menjadi pelajar yang baik' (min=3.89) dan 'memberi perhatian apabila seseorang bertutur dalam bahasa Jepun' (min=3.86), Ini adalah berdasarkan Interpretasi jadual SILL (jadual 4.3) yang mengkategorikan 3.5 hingga 4.4 sebagai kerapkali. Didapati juga perbezaan min di antara satu sama lain tidak jauh bezanya. Kelihatan seperti pelajar gemar menggunakan strategi metakognitif ini dibandingkan dengan strategi-strategi lain.

4.2.5 Analisa Strategi pembelajaran Afektif

Sebanyak enam item kaedah dikaitkan dengan strategi pembelajaran afektif. Hasil min dipaparkan dengan jadual berikut:

Jadual 4.9: Min kumpulan strategi pembelajaran Afektif

	N	Mean	Std. Deviation
1. Beri diri sendiri penghargaan jika mendapat pencapaian yang baik	265	3.49	1.155
2. mendorong diri sendiri untuk bertutur	265	3.46	.996
3. Menenangkan diri apabila rasa takut guna Bahasa Jepun	265	3.36	1.113
4. Saya sedar bila rasa tertekan dan bimbang	265	3.17	1.180
5. Cerita dengan orang lain mengenai perasaan.	265	3.04	1.282
6. Catit perasaan dalam buku catatan	265	2.14	1.368

Berdasarkan Jadual 4.9, analisa data menunjukkan pelajar kadang-kadang memberi diri sendiri penghargaan jika mendapat pencapaian yang baik (min=3.49), diikuti dengan mendorong diri sendiri untuk bertutur (min=3.46). Mereka juga kadang-kadang menggunakan kaedah menenangkan diri bila rasa takut menggunakan bahasa Jepun (min=3.36). Kadang-kadang pelajar mengaku mereka merasa tertekan dan bimbang bila berfikir tentang bahasa Jepun (min=3.17), lalu mereka juga bercerita dengan orang lain mengenai perasaan mereka (min=3.04). Tetapi mereka jarang-jarang membuat catitan dalam buku catatan (min=2.14).

4.2.5.1 Kesimpulan Strategi Pembelajaran Afektif.

Strategi pembelajaran afektif adalah di tahap sederhana di mana min tidak berada di tahap kerap kali. Hampir kesemua item strategi pembelajaran afektif adalah hanya di

tahap kadang-kadang kecuali item membuat catitan dalam buku catatan yang hanya pada tahap jarang-jarang.

4.2.6 Analisa Strategi pembelajaran Sosial

Sebanyak enam kaedah juga dikaitkan dengan strategi pembelajaran sosial . Hasil min dipaparkan dengan jadual berikut.

Jadual 4.10: Min kumpulan strategi pembelajaran sosial

	N	Mean	Std. Deviation
1. Berlatih dengan kawan saya	265	3.74	.931
2. Minta supaya cakap perlahan-lahan atau ulangi semula	263	3.68	.940
3. Suruh orang yang tahu Bahasa Jepun membetulkan percakapan	265	3.63	1.107
4. Meminta tolong dari orang yang boleh berbahasa Jepun	264	3.51	1.192
5. Cuba belajar budaya orang Jepun	265	3.27	1.297
6. Saya bertanya soalan dalam bahasa Jepun	265	2.92	1.191

Dari jadual 4.10 yang memaparkan aspek sosial, didapati pelajar kerap kali berlatih dengan rakan (min=3.74), meminta supaya cakap perlahan-lahan atau mengulang semula (min=3.68), menyuruh orang yang tahu Bahasa Jepun membetulkan percakapan (min=3.63), serta meminta tolong dari orang yang boleh berbahasa Jepun (min=3.51).

Kadang-kadang para pelajar cuba belajar budaya orang Jepun (min=3.27) atau bertanya soalan dalam Bahasa Jepun (min=2.92).

4.2.6.1 Kesimpulan Strategi Pembelajaran Sosial .


Jelas disini bahawa pelajar kerap kali membuat perbincangan dengan kawan-kawan dan jika menghadapi sebarang masalah akan meminta supaya diulang semula atau pun

bercakap secara perlahan-perlahan. Mereka juga selesa apabila diperbetulkan kesalahan mereka dari orang yang tahu berbahasa Jepun. Walaubagaimanapun pelajar cuba belajar budaya bahasa Jepun dan bertanya dalam bahasa Jepun hanya di tahap sederhana.

4.3 Strategi Pembelajaran Yang Kerap digunakan Pelajar

Hasil analisa daripada enam strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar UiTM, ternyata terdapat perbezaan penggunaan di antara keenam-enam strategi tersebut secara keseluruhan. Jelas secara amnya pelajar menggunakan kesemua strategi pada tahap yang berbeza iaitu dari tahap sederhana hingga ketahap kerapkali. Berikut dipaparkan hasil analisa tersebut.

Carta 4. 4: Penggunaan Strategi Pembelajaran Dalam Bahasa Jepun



Carta 4.4 menunjukkan pemeringkatan mengikut jenis dan kekerapan strategi yang digunakan oleh pelajar berdasarkan min secara keseluruhan. Didapati pelajar-pelajar

bahasa Jepun UiTM menggunakan kesemua ke enam-enam strategi pembelajaran dengan berlainan kekerapan. Jarak min di antara strategi yang dipilih oleh pelajar ialah di antara 3.10 hingga 3.48. Di antara enam strategi pembelajaran yang telah dikemukakan, didapati strategi yang paling digemari oleh pelajar ialah menggunakan strategi metakognitif (min=3.48), diikuti oleh strategi sosial (min=3.46), memori (min=3.30), kognitif (min=3.22), dan afektif (min=3.11). Strategi yang paling kurang digunakan ialah strategi gantian (min=3.06). Walaubagaimanapun Min untuk kesemua strategi ialah (min=3.3). Ini menunjukkan bahawa pelajar menggunakan kesemua ke enam-enam strategi pada tahap sederhana.

4.3.1 Strategi Metakognitif

Strategi pembelajaran metakognitif yang dikategorikan sebagai strategi secara tidak langsung (*indirect strategies*) oleh Oxford, merupakan strategi yang paling banyak digunakan oleh pelajar UiTM dengan min 3.48. Walaubagaimanapun penggunaannya adalah di tahap yang agak sederhana juga. Strategi jenis ini melibatkan aktiviti mengawal pembelajaran melalui proses seperti merancang, mengurus dan membuat penilaian. Dengan cara ini pelajar belajar dengan lebih sistematik dan lebih serius. Pelajar bukan sahaja mendapat faedah melalui strategi ini malah strategi ini memberi keseronokan dan kepuasan kepada mereka.

Metakognitif adalah elemen yang mempunyai kaitan rapat dengan kesedaran tentang proses yang dilaksanakan secara berfikir. Menurut Brown (2001) metakognitif merupakan ilmu pengetahuan atau kesedaran yang terdapat pada seseorang yang membolehkannya belajar. Strategi ini akan membuatkan pelajar mencapai hasrat dan membina serta memupuk pembelajaran mereka kepada peringkat yang lebih tinggi. Jelasnya strategi pembelajaran metakognitif membantu melengkapkan pelajar-pelajar

UiTM dengan pengetahuan dan kemahiran berbahasa dan pada waktu yang sama berjaya mengawal pemikiran dan aktiviti pembelajaran mereka.

Dalam soal selidik metakognitif, didapati ramai pelajar yang memilih item tentang ‘cara bagaimana menjadi pelajar yang baik’ diikuti dengan ‘memberi perhatian apabila seseorang bertutur dalam Bahasa Jepun’ dan seterusnya ‘menggunakan kesilapan dalam bahasa Jepun untuk terus maju’, serta ‘selalu memikirkan kemajuan diri dalam pembelajaran bahasa Jepun’. Item-item ini merupakan min yang teratas. Ini boleh memberi interpretasi bahawa pelajar bahasa Jepun di UiTM adalah pelajar yang memberi perhatian dan berminat apabila belajar di dalam kelas. Ini juga adalah alasan mengapa kebanyakan pelajar-pelajar berjaya dalam pembelajaran bahasa asing ini. Mereka memberi sepenuh perhatian kepada setiap input pembelajaran.

Strategi ini penting bagi pelajar untuk memastikan kejayaan. O’Malley dan Chamot (1990) menekankan bahawa “pelajar tanpa strategi metakognitif adalah pelajar yang tidak ada perancangan, arah tuju dan tidak memantau kemajuan mereka. Kekurangan pengetahuan menggunakan strategi ini akan memungkinkan pelajar-pelajar tidak fokus dan tidak ada kemahiran dalam mengkoodinasi proses pembelajaran mereka”. Oleh itu pelajar-pelajar mahupun tenaga pengajar bahasa Jepun di UiTM patut sedar tentang kepentingan strategi metakognitif dan menggalakkan penggunaannya.

4.3.2 Strategi Sosial

Strategi kedua yang kerap digunakan ialah strategi sosial. Strategi sosial yang juga merupakan strategi tidak langsung (*indirect strategies*) mempunyai min=3.46. Strategi ini juga digunakan secara sederhana oleh pelajar-pelajar. Menurut Chiya (2003), strategi sosial membantu melahirkan pelajar-pelajar yang positif. Strategi ini

memerlukan penglibatan pelajar-pelajar berinteraksi dengan kawan-kawan, guru-guru dan persekitaran mereka. Ini dibuktikan apabila pelajar-pelajar memilih untuk berlatih dengan kawan-kawan, meminta mengulangi atau bercakap dengan perlahan jika terdapat masalah dalam pemahaman dan juga bersedia untuk diperbetulkan dari orang-orang yang lebih tahu berbahasa Jepun dalam menjawab soal selidik ini.

Walaupun bagaimanapun min bagi item yang paling teratas iaitu berlatih dengan kawan-kawan jatuh pada tahap sederhana tinggi iaitu (min=3.74). Ini mungkin disebabkan oleh mereka tidak ada peluang untuk mencuba atau mempraktikkan kebolehan mereka atas faktor-faktor persekitaran yang tidak memungkinkan. Mungkin juga disebabkan keperluan untuk mereka berbahasa Jepun di kalangan kawan-kawan tidaklah terlalu mendesak.

Di kalangan pelajar selain daripada bahasa ibunda, mereka sering menggunakan bahasa Inggeris dalam komunikasi mereka. Oleh itu pelajar perlu disedarkan tentang kepentingan strategi sosial ini supaya mereka lebih lancar dan berjaya dalam pembelajaran bahasa Jepun ini. Aktiviti bahasa yang melibatkan interaksi dengan orang lain adalah satu cara latihan dalam keadaan sebenar yang paling efektif terutamanya dalam kemahiran berkomunikasi. Aktiviti berkomunikasi dalam aspek ini bukan sahaja melibatkan kemahiran berbahasa malah juga dalam dalam perkongsian idea-idea.

4.3.3 Strategi Memori

Strategi seterusnya yang digunakan oleh pelajar bahasa Jepun UiTM ialah strategi pembelajaran memori. Strategi memori ialah satu strategi yang diklasifikasikan oleh Oxford (1990) sebagai strategi secara langsung (*direct strategy*). Strategi jenis ini mempunyai min= 3.3 yang dianggap penggunaannya sebagai sederhana. Menurut

Oxford (1990) juga, strategi memori membantu pelajar dalam masalah menghafal daftar kata yang banyak yang diperlukan dalam kelancaran bahasa.

Berpandukan kepada pendapat ini mungkinkah pelajar-pelajar UiTM ini tidak mempunyai masalah dalam menghafal daftar kata sebagai alasan mengapa mereka menggunakan strategi memori ini di tahap yang sederhana. Pelajar bukan sahaja tidak fokus kepada aktiviti hafalan malah mereka juga tidak berapa membuat perkaitan bunyi dengan imej gambaran objek, tidak berapa membuat gambaran mental tentang situasi dan juga mengulangkaji pelajaran. Paling kurang digunakan ialah kaedah menggunakan kad imbasan bagi strategi memori. Kad imbasan mungkin popular digunakan oleh pensyarah bahasa di dalam bilik darjah tetapi tidak di kalangan pelajar. Walaubagaimanapun dalam pembelajaran bahasa, pelajar wajar menggunakan strategi memori ini supaya pembelajaran tatabahasa menjadi lebih mudah. Struktur ayat boleh dibina dengan baik dengan penguasaan daftar kata yang banyak. Seseorang yang kaya dengan daftar kata akan membuat komunikasi lebih lancar.

4.3.4 Strategi Kognitif

Strategi pembelajaran kognitif merupakan strategi yang keempat digunakan di kalangan enam strategi pembelajaran yang dikemukakan kepada pelajar-pelajar bahasa Jepun di UiTM. Kekerapan penggunaannya adalah di tahap yang sederhana juga iaitu dengan min=3.22. Strategi kognitif diklasifikasikan sebagai strategi secara langsung (*direct strategies*). Strategi kognitif melibatkan amalan dan penggunaan secara langsung bahasa yang dipelajari. Ini boleh dilihat melalui item-item strategi ini seperti selalu menonton drama Jepun, melatih bunyi dalam bahasa Jepun, menyebut dan menulis perkataan baru beberapa kali, bertutur macam orang Jepun dan lain-lain lagi.

Menurut Oxford (1990), Strategi pembelajaran kognitif perlu dalam pembelajaran bahasa dan ia mendapati bahawa strategi ini memang kerap digunakan oleh pelajar bahasa. Namun dapatan ini menunjukkan yang sebaliknya. Walaupun min keseluruhan bagi strategi ini agak rendah (min=3.22), namun min bagi item tunggal iaitu 'selalu menonton drama Jepun' adalah jauh melebihi purata(min) keseluruhan iaitu min=4.3. Pelajar memilih menggunakan strategi ini mungkin kerana ia melibatkan pembelajaran secara interaktif di luar bilik darjah dan pada waktu yang sama mendapat keseronokan dari aktiviti ini.

Strategi ini tidak popular di kalangan pelajar bahasa di UiTM. Ini menunjukkan bahawa mereka kurang berpengetahuan tentang kepentingan dan keberkesanan strategi ini. Penggunaan strategi ini akan membolehkan pelajar memanipulasi bahasa sasaran (*target language*) secara terus. Oleh itu bagi memperbaiki prestasi mereka dalam subjek ini, pelajar wajar meningkatkan kekerapan penggunaannya dan mengamalkan kaedah ini dalam pembelajaran bahasa.

4.3.5 Strategi Afektif

Seterusnya strategi kelima yang kerap digunakan oleh pelajar ialah strategi afektif (min=3.11). Strategi afektif adalah strategi tidak langsung (*indirect strategy*) yang berkaitan dengan faktor-faktor emosi, sikap dan motivasi dalam pembelajaran bahasa. Cook (1991) telah mendapati bahawa pembelajaran bahasa yang baik tidak bermain dengan emosi, motivasi dan sikap yang tertentu. Oleh itu dapatan ini dengan kata lain telah menyatakan bahawa pelajar yang baik tidak terpengaruh dengan masalah emosi atau pun sikap.

4.3.6 Strategi Gantian(*compensation*)

Akhir sekali strategi yang paling sedikit digunakan ialah strategi gantian. Strategi yang dikategorikan sebagai strategi secara langsung (*direct strategy*) ini mempunyai min=3.1 dan didapati penggunaannya di tahap agak sederhana juga. Strategi ini melibatkan pelajar-pelajar cuba menggunakan pilihan-pilihan lain demi kefahaman pembelajaran. Pilihan-pilihan tersebut ialah seperti meneka makna dan membuat sinonimi perkataan. Menurut Oxford(1990), seorang pelajar yang baik bijak meneka apabila mereka terjumpa perkataan yang mereka tidak tahu. Sebaliknya pelajar yang lemah akan cemas dan menjadikan kamus sebagai tempat menyelesaikan masalah. Bagi pelajar-pelajar ini strategi gantian tidak mustahak bagi mereka kerana mereka adalah pelajar yang bijak.

Kesimpulannya, hasil dapatan dari soal selidik SILL ini menunjukkan pelajar-pelajar menggunakan strategi pembelajaran pada tahap yang sederhana. Skor min pada strategi yang paling rendah digunakan (strategi gantian) kepada yang paling tinggi digunakan (strategi metakognitif) ialah 3.1 hingga 3.45. Menurut pengkelasan yang telah dibuat oleh Oxford (1990), kadar ini jatuh pada tahap yang sederhana.

4.4 Hubungkait Strategi Pembelajaran dengan Pencapaian

Ujian Korelasi koefisien Pearson dijalankan untuk mengenalpasti samada wujud perkaitan di antara strategi pembelajaran yang digunakan dengan gred pencapaian yang dicapai dalam bahasa Jepun. Besarnya koefisien menggambarkan keakraban hubungan linear antara dua variabel. Koefisien korelasi di simbolkan dengan nilai r yang besarnya antara -1 hingga 1. Jika nilai $r < 0$ maka dikatakan mempunyai korelasi yang negatif. Sebaliknya jika nilai $r > 0$ dikatakan terjadi hubungan linear yang positif. Jika nilai $r=0$ maka ia dikatakan tidak mempunyai korelasi tetapi tidak pula bererti tidak ada

hubungan, mungkin berhubungan tetapi tidak linear. Semakin dekat nilai r dengan 1 atau -1 maka semakin erat hubungan linear antara variabel.

Dalam kajian ini dapatan menunjukkan korelasi di antara ke enam-enam variabel strategi pembelajaran dan purata gred pencapaian, secara keseluruhannya adalah lemah tetapi signifikan (rujuk jadual 4.10).

Jadual 4.11: Korelasi antara Gred Pencapaian dan Strategi Pembelajaran

	Memory	Kognitif	Gantian	Meta kognitif	Afektif	Sosial
Pearson Correlation	.258(**)	.289(**)	.081	.376(**)	.200(**)	.276(**)
Sig. (2-tailed)	.000	.000	.203	.000	.001	.000
N	247	248	249	251	254	251

** Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Jadual 4.11 menunjukkan korelasi ke enam-enam jenis strategi pembelajaran (berdasarkan soal selidik SILL) dan pencapaian pembelajaran. Didapati kekuatan hubungan antara strategi-strategi dan gred pencapaian adalah pada tahap yang lemah iaitu antara .081 dan .376. Ini bermakna, terdapat kaitan yang lemah di antara strategi pembelajaran yang diguna oleh pelajar dengan gred pencapaian mereka. Dengan kata lain tidak kira apa jenis strategi yang digunakan oleh pelajar, ia tidak mempengaruhi gred pencapaian. Pelajar telah mencapai keputusan yang cemerlang atau sebaliknya tanpa ada kaitan dengan strategi pembelajaran yang mereka gunakan. Dapatan hanya menunjukkan bahawa kaitan yang paling tinggi adalah di antara strategi metakognitif dan purata gred pencapaian pelajar ($r=.376$). Walaupun menunjukkan ada hubungan di antara strategi metakognitif dan pencapaian, kaitannya adalah lemah tetapi masih signifikan. Ini bermakna, secara amnya, kebanyakan pelajar menggunakan strategi metakognitif lebih daripada strategi lain sewaktu belajar.

Seterusnya terdapat kaitan yang lemah yang wujud antara pencapaian pelajar dengan strategi kognitif ($r=.289$), strategi sosial ($r=.276$), strategi memori ($r=.258$) dan strategi afektif ($r=.200$). Dapatan ini juga menunjukkan tiada hubungkait di antara pencapaian pelajar dan strategi gantian di mana nilai r adalah $.081$. Ini menunjukkan pelajar tidak begitu menggunakan teknik gantian atau penggunaannya tidak signifikan sehingga boleh mempengaruhi pencapaian gred dalam Bahasa Jepun.

Keseluruhannya hubungan antara strategi-strategi pembelajaran dengan gred pencapaian adalah sangat lemah yang membawa pengertian bahawa strategi pembelajaran tidak begitu mempengaruhi gred pencapaian pelajar dalam Bahasa Jepun.

4.5 Hubungkait Strategi Pembelajaran Dengan Motivasi

Motivasi pelajar untuk belajar bahasa Jepun dilihat dari dua aspek penting iaitu motivasi integratif dan motivasi instrumental. Melalui soal selidik yang telah dijawab oleh responden mengenai motivasi, berikut dipaparkan min bagi kedua-dua jenis aliran motivasi tersebut.

Jadual 4. 12: Tahap Motivasi Pelajar

	N	Mean	Std. Deviation
motivasi integratif	263	3.9899	.56482
motivasi instrumental	259	4.0894	.58148
motivasi keseluruhan (integratif + instrumental)	257	4.0493	.51318

Berdasarkan jadual 4.12, di dapati motivasi integratif yang mempunyai ($\text{min}=3.99$) adalah lebih rendah sedikit berbanding motivasi instrumental mereka ($\text{min}=4.09$).

Ini menunjukkan motivasi untuk mendapatkan ganjaran (instrumental) adalah lebih mendorong pelajar dalam pembelajaran bahasa Jepun berbanding motivasi mendekati diri mereka kepada bahasa Jepun atas dasar minat terhadap bahasa dan budaya (motivasi integratif) tersebut.

4.5.1 Kaitan di antara Strategi Pembelajaran dengan Motivasi Pelajar

4.5.1.1 Kaitan di antara Strategi Pembelajaran dengan Motivasi Keseluruhan

Jadual 4. 13: Korelasi antara Motivasi dan Strategi Pembelajaran

	Memory	Kognitif	Gantian	Meta kognitif	Afektif	Sosial
Pearson Correlation	.469(**)	.500(**)	.325(**)	.531(**)	.402(**)	.482(**)
Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000	.000	.000
N	250	252	253	255	257	254

correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Persoalan kajian ini seterusnya ingin melihat samada wujud kaitan di antara motivasi secara keseluruhannya dengan jenis pembelajaran yang dipraktikkan oleh pelajar. Jadual 4.13 menunjukkan hasil analisa korelasi Pearson di mana secara keseluruhannya wujud perkaitan yang agak kuat di antara motivasi dengan strategi pembelajaran.

Ini bermakna motivasi mempunyai pengaruh yang agak kuat terhadap jenis strategi pembelajaran yang digunakan. Kaitan yang paling kuat adalah di antara motivasi dengan strategi metakognitif ($r=.531$). Ini menunjukkan pelajar yang menggunakan strategi metakognitif berkecenderungan untuk mempunyai motivasi yang tinggi. Ini diikuti dengan kaitan antara motivasi dan strategi kognitif. ($r=.500$) yang bermaksud pelajar yang bermotivasi banyak menggunakan strategi kognitif. Seterusnya, hubungkait yang lemah didapati di antara motivasi dengan strategi sosial ($r=.482$), strategi memori ($r=.469$), strategi afektif ($r=.402$) dan strategi gantian ($r=.325$).

Kesimpulannya, motivasi pelajar mempengaruhi strategi pembelajaran di mana pelajar yang bermotivasi tinggi mempunyai kecenderungan untuk menggunakan strategi berbentuk metakognitif dan kognitif.

4.5.1. 2 Kaitan di antara Strategi Pembelajaran dengan Motivasi Integratif

Jadual 4.14: Korelasi antara Strategi Pembelajaran dengan Motivasi Integratif

	Memory	Kognitif	Gantian	Meta kognitif	Afektif	Sosial
Pearson Correlation	.473(**)	.492(**)	.329(**)	.515(**)	.395(**)	.445(**)
Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000	.000	.000
N	255	258	258	260	263	260

** Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Dapat dilihat dalam Jadual 4.14 bahawa wujud kaitan dari lemah ke agak kuat di antara strategi pembelajaran dengan motivasi integratif. Kaitan paling kuat adalah di antara strategi metakognitif dengan motivasi integratif di mana nilai $r = .515$. Ini diikuti dengan kaitan yang agak lemah di antara motivasi integratif dengan strategi kognitif ($r=.492$), strategi memori ($r=.473$), strategi sosial ($r=.445$).

Kaitan yang sangat lemah wujud antara motivasi integratif dengan strategi afektif ($r=.395$) dan strategi gantian ($r=.329$).

4.5.1. 3 Kaitan di antara Strategi Pembelajaran dengan Motivasi Instrumental

Jadual 4.15: Korelasi antara Strategi Pembelajaran dengan Motivasi Instrumental

	Memory	Kognitif	Gantian	Meta kognitif	Afektif	Sosial
Pearson Correlation	.371(**)	.404(**)	.233(**)	.442(**)	.325(**)	.402(**)
Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000	.000	.000
N	252	253	255	257	259	256

** Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Berdasarkan jadual 4.15 diatas, kaitan di antara motivasi instrumental dengan strategi pembelajaran di dapati lebih lemah secara keseluruhan berbanding kaitan strategi dengan motivasi integratif. Paling tinggi adalah kaitan di antara motivasi instrumental dengan strategi metakognitif ($r=.442$), diikuti oleh strategi kognitif ($r=.404$). Kaitan yang sangat lemah wujud antara motivasi instrumental dengan strategi memori ($r=.371$), strategi afektif ($r=.325$) dan strategi gantian ($r=.233$).

4.6 Kesimpulan

Data yang telah dikumpulkan telah dipaparkan dan disusun untuk menjawab tiga persoalan kajian iaitu:

1. Apakah strategi-strategi pembelajaran bahasa yang digunakan dan Kekerapannya?
2. Terdapatkah kaitan strategi pembelajaran bahasa dengan pencapaian pelajar, dan jika ada apakah kaitannya?
3. Bagaimanakah strategi pembelajaran bahasa berkait dengan motivasi Pelajar?

Bab ini mengandungi paparan latar belakang responden merangkumi gender, fakulti dan pencapaian mereka dalam pembelajaran bahasa Jepun BJP 401 (permulaan) dan BJP 451 (pertengahan).

Bab ini juga telah memaparkan hasil dapatan dari soal selidik dengan memaparkan data-data bagi menjawab ketiga-tiga persoalan kajian. Data-data yang dipermudahkan lagi dengan carta dan jadual ini dimulakan dengan mengenalpasti strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar. Analisis dibuat dengan menggunakan "Statistical

Package for Social Sciences (SPSS) 14.0 dan didapati Strategi metakognitif adalah strategi yang paling banyak digunakan oleh pelajar dan strategi gantian adalah strategi yang paling sedikit digunakan oleh mereka.

Seterusnya dengan menggunakan korelasi koefisien pearson, hubungkait antara strategi pembelajaran dengan pencapaian dan hubungkait antara strategi pembelajaran dengan motivasi telah dikemukakan. Dapatan telah menunjukkan bahawa hubungkait antara strategi pembelajaran dan pencapaian adalah lemah tetapi signifikan. Manakala hubungkait antara strategi pembelajaran dan motivasi pula secara keseluruhannya adalah agak kuat dan signifikan. Walaupun kebanyakan pelajar dipengaruhi oleh motivasi instrumental, korelasi motivasi ini dengan strategi pembelajaran adalah lemah jika dibandingkan dengan korelasi motivasi integratif dan strategi pembelajaran. Perbincangan yang lebih lanjut dan jawapan kepada persoalan-persoalan kajian akan dilakukan di bab lima.